



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2018**



Assalamualaiḥum warahamatullahi wabarakaṭuh dan Salam 1NRE.

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya berpeluang untuk saya mencoret sepatah dua kata bersempena ketibaan Tahun Baharu 2018.

Syabas dan tahniah kepada seluruh warga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2017 dengan begitu cemerlang.

Tahun 2017 bakal melangkah meninggalkan kita dengan pelbagai rentetan kejayaan dan kenangan manis yang boleh kita banggakan bersama. Antara kejayaan-kejayaan yang telah kita kecapai termasuklah Penerimaan Pencalonan FRIM ke dalam Senarai Tentatif Tapak Warisan Dunia UNESCO, Penerimaan Pingat Emas di *45th International Exhibition of Inventions of Geneva*, hasil kerjasama antara FRIM - Majlis Perbandaran Sepang, Kawalselia biokeselamatan yang terbaik, Pengiktirafan Restorasi Karang Dalam *The Malaysia Book Of Records* “Largest Simultaneous Coral Planting Event”, Penubuhan Galeri Interaktif NRE di Taman Eko Rimba (TER), Pelancaran Sistem e-Tanah di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL), Pelancaran Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) dan juga kejayaan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) mencapai penarafan Laman Web 5 Bintang dalam Penilaian Laman Web berdasarkan *Provider-Based Evaluation* (ProBE) 2016 oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

Dalam pada itu, di persada antarabangsa pula, NRE telah berjaya melakar banyak kejayaan melalui penglibatan NRE di konvensyen antarabangsa seperti terlibat dengan Mesyuarat Peringkat Tertinggi, COP23 di Bonn, Jerman, *18th International Seminar on Current International Issues Affecting Forestry and Forest Products: Forest Landscape Management*, Lawatan Kerja Rasmi YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ke negara China, Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara Malaysia dengan Republik Rakyat China (RRC) mengenai Kerjasama Dalam Bidang Sumber Air, *37th International Association Of Hydro-Environment Research* (IAHR)

World Congress 2017 dan Majlis Perpisahan anak Giant Panda, Nuan Nuan.

Di samping itu, NRE masih meneruskan penganjuran aktiviti atau majlis bersempena dengan sambutan dunia pada tahun ini sebagai usaha berterusan kementerian untuk menghargai sumber asli dan alam sekitar yakni melalui pengajuran Hari Sungai Sedunia, Hari Ozon Antarabangsa, Hari Air Sedunia, Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Kebangsaan, Sambutan Hari Laut Sedunia, Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan serta Hari Bumi yang jelas membuktikan komitmen berterusan NRE dalam usaha pemuliharaan sumber asli dan alam sekitar di negara ini.

Selain itu, NRE turut menyelaras beberapa mesyuarat utama di peringkat kebangsaan antaranya Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE), Majlis Tanah Negara (MTN) dan Majlis Sumber Air Negara Ke-12 (MSAN 12), Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan yang merupakan satu forum penting bagi membincangkan isu-isu berkaitan sumber asli dan alam sekitar.

Dalam usaha menyahut gesaan kerajaan dan menunjukkan sokongan padu NRE terhadap agenda Transformasi Nasional 2050 sebagai inisiatif untuk membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang memenuhi aspirasi penduduknya meliputi tempoh 30 tahun yang bermula dari tahun 2020 hingga 2050 pula, NRE berjaya menganjurkan beberapa Program TN50 pada tahun ini antaranya adalah dengan mengadakan kerjasama

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan juga Sesi Dialog TN50 YB Menteri Bersama Warga NRE yang bertemakan Aspirasi Masa Depan Alam Sekitar Negara.

Bagi tujuan menghargai warga NRE dan Jabatan/Agensi dibawahnya yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama pula, NRE telah menganjurkan majlis sambutan Hari Raya 1NRE, Tahun Baharu Cina, Hari Gawai Dayak dan Pesta Kaamatan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan juga Deepavali. Penganjuran majlis ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi tali ukhuwah dalam kalangan warga NRE secara keseluruhannya.

Kejayaan-kejayaan tersebut jelas membuktikan bahawa kerjasama, sokongan dan komitmen yang diberikan oleh warga NRE tidak pernah luntur bahkan semakin utuh di bawah pimpinan YB Datuk Seri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Justeru itu, saya menaruh harapan yang tinggi supaya ikatan ukhuwah tersebut terus dipelihara bagi menjunjung amanah yang dipertanggungjawabkan demi mengekalkan pengurusan sumber asli dan alam sekitar secara lestari.

Saya menyeru kepada warga kementerian ini supaya selalu memastikan segala program dan aktiviti yang dirancang perlulah berpaksikan kepada denyut nadi dan kehendak rakyat serta dilaksanakan menepati golongan sasaran sepenuhnya demi kesejahteraan rakyat di negara ini.

Sejajar dengan seruan kerajaan yang menitikberatkan kebijaksanaan dalam mengurus sumber kewangan secara berhemah dan optimum ke arah merakyatkan perkhidmatan awam secara berkesan, konsep

Strategi Lautan Biru (NBOS) secara kolaboratif yang dipraktikkan oleh NRE yang melibatkan jabatan dan agensi di bawah NRE, kementerian dengan kementerian malah sehingga ke peringkat Kerajaan Persekutuan dengan pihak Kerajaan Negeri haruslah diteruskan malah perlu diperluaskan skopnya dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, NRE telah mengadakan kolaborasi aktiviti penguatkuasaan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan Kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) pada tahun ini.

Saya amat berharap kejayaan-kejayaan yang kita kecapi pada tahun ini dijadikan sebagai sumber inspirasi dan pemangkin kepada diri kita semua untuk mendepani cabaran yang lebih besar pada tahun 2018 bagi melakar lebih banyak lagi kejayaan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun dipersada antarabangsa agar nama NRE sentiasa mekar dan menjadi kebanggaan dalam kalangan rakyat di negara ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan Selamat Tahun Baharu dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga NRE di atas dedikasi dan komitmen dalam memenuhi amanah yang dipertanggungjawabkan melalui semangat ukhuwah, kesatuan hati dan jalinan kerjasama yang utuh di antara Kementerian dan Jabatan serta agensi di bawah NRE. Semoga kita warga NRE bersedia untuk setia berbakti, menggalas tanggungjawab dan mengharungi cabaran tahun 2018.

Selamat Tahun Baharu 2018.

DATO' SRI AZIZAN BIN AHMAD